

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

**3.1 Latar Belakang
Pemerintahan Beraja
dan Demokrasi
Berparlimen**

- 1 Kewujudan kerajaan Melayu merupakan tradisi yang berakar umbi dan berteraskan

(BUNU TEKS ms. 38)

- A sistem republik
- B sistem demokrasi
- C pemerintahan beraja
- D pemerintahan aristokrasi

- 2 Pemerintahan beraja di negeri-negeri Melayu tercabar apabila pentadbiran tempatan dikuasai oleh British dan Jepun. Bagaimanakah kedudukan sistem pemerintahan beraja di negeri-negeri Melayu pada ketika itu?

(BUNU TEKS ms. 38)

- A Raja berkuasa mutlak
- B Pemerintahan beraja kekal
- C Pemerintahan beraja terhapus
- D Raja disingkirkan dalam struktur pentadbiran

- 3 Senarai berikut merupakan sistem perundangan Kesultanan Melayu Melaka.

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-Undang Laut Melaka

Apakah yang boleh dibuktikan melalui amalan sistem perundangan tersebut?

(BUNU TEKS ms. 38)

- I Kehidupan bernegara
- II Kecekapan pembesar

- III Ciri sistem demokrasi
- IV Ciri sistem berperlembagaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 4 Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka telah diwaris oleh kesultanan Melayu yang muncul selepasnya. Legasi Kesultanan Melayu Melaka telah diteruskan oleh Kesultanan

(BUNU TEKS ms. 38)

- I Johor
- II Perak
- III Kedah
- IV Kelantan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 5 Raja memainkan peranan yang penting dalam kerajaan Kesultanan Melayu. Apakah peranan baginda?

(BUNU TEKS ms. 38)

- I Ketua agama
- II Ketua kebudayaan
- III Sumber kewangan
- IV Sumber undang-undang
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 6 Senarai berikut merupakan negeri-negeri yang tergolong sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

- Perak
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Pahang

Apakah yang diperkenalkan oleh British di negeri-negeri tersebut?

(BUNU TEKS ms. 39)

- A Sistem Residen
- B Sistem Penasihat
- C Pemerintahan beraja
- D Pemerintahan demokrasi

- 7 Apakah status Raja-raja Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu semasa penjajahan British?

(BUNU TEKS ms. 39)

- A Berkuasa mutlak
- B Wakil Raja England
- C Pemerintah berdaulat
- D Diketepikan dalam pentadbiran negeri

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan perlembagaan negeri.

- Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895
- Undang-undang bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911

Apakah tujuan penggubalan undang-undang tersebut?

(BUNU TEKS ms. 39)

- A Membentuk kerajaan
- B Mengekalkan kedaulatan negeri
- C Menyusun semula struktur pentadbiran
- D Memutuskan hubungan dengan kuasa asing

- 9 Apakah status negeri Melayu sebelum Perang Dunia Kedua?

(BUNU TEKS ms. 39)

- A Jajahan Jepun
- B Jajahan British
- C Tawanan Jepun
- D Naungan British

- 10 Negara kita telah dikuasai oleh tentera Jepun dalam Perang Dunia Kedua. Apakah peranan Raja-raja Melayu semasa pendudukan Jepun? **(BUKU TEKS m.s. 40)**

A Memimpin pentadbiran
B Menjadi wakil Maharaja Jepun
C Mengetuai hal ehwal agama Islam
D Mengawal keamanan dalam negeri

- 11 British memperkenalkan pentadbiran Malayan Union pada tahun 1946. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Raja-raja Melayu pada ketika itu? **(BUKU TEKS m.s. 42)**

A Diturunkan takhta
B Kedaulatan dipulihkan
C Dipaksa menerima Residen British
D Kehilangan kuasa sebagai pemerintah

- 12 Gambar berikut menunjukkan Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar sedang menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 di King's House, Kuala Lumpur pada tahun 1948.



Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap Raja-raja Melayu? **(BUKU TEKS m.s. 40)**

A Kedaulatan dikembalikan
B Berkuasa dalam sistem perundangan
C Diangkat sebagai Raja Berperlembagaan
D Berkuasa dalam urusan hubungan luar negara

- 13 Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 diperoleh melalui perundingan dan persetujuan Raja-raja Melayu.

Apakah ciri baharu yang diperkenalkan dalam sistem pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka? **(BUKU TEKS m.s. 41)**

I Majlis Raja-Raja
II Raja Berperlembagaan
III Demokrasi Berparlimen
IV Negeri-negeri Melayu Bersekutu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

- 14 Gambar berikut menunjukkan Persidangan Durbar pertama di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1897.



Apakah peranan Durbar? **(BUKU TEKS m.s. 41)**

A Menggubal undang-undang
B Melantik Pesuruhjaya Tinggi British
C Membincangkan hal ehwal pentadbiran dengan British
D Menyampaikan arahan British kepada penduduk tempatan

- 15 Perlembagaan Malayan Union 1946 memperuntukkan penguasaan Majlis Sultan-Sultan. Apakah fungsi majlis tersebut? **(BUKU TEKS m.s. 43)**

I Menggubal undang-undang
II Melantik Gabenor Malayan Union

III Membincangkan undang-undang berkaitan dengan agama Islam

IV Menasihati Gabenor tentang perkara yang dibangkitkan oleh Raja-Raja Melayu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 16 Perlembagaan Malayan Union 1946 memperuntukkan penguasaan Majlis Sultan-Sultan. Mengapakah majlis tersebut tidak pernah diwujudkan dalam tempoh pelaksanaan Malayan Union? **(BUKU TEKS m.s. 43)**

A Berlaku Perang Dunia Kedua
B Pembentukan Majlis Raja-Raja
C Kuasa Raja-Raja Melayu dikurangkan
D Penentangan Raja-Raja Melayu terhadap Malayan Union

- 17 Majlis Raja-Raja Melayu ditubuhkan secara rasmi apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada tahun 1948.

Melalui majlis tersebut, Raja-Raja Melayu mendapat penerangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British berkaitan dengan **(BUKU TEKS m.s. 43)**

I dasar kerajaan
II hal ehwal agama Islam
III adat istiadat orang Melayu
IV penggubalan undang-undang

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 18 Siapakah yang diberi tanggungjawab untuk memeterai keputusan persidangan Majlis Raja-Raja Melayu semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948? **(BUKU TEKS m.s. 43)**

A Pesuruhjaya Tinggi British
B Penasihat undang-undang
C Penasihat Raja-raja Melayu
D Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja

- 19 Berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan selepas merdeka, Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa dan fungsi dalam sistem Raja Berperlembagaan. Antara berikut, pelantikan jawatan manakah memerlukan rundingan dengan Majlis Raja-Raja? **(BUKU TEKS m.s. 45)**

I Menteri Besar
II Ketua Audit Negara
III Ketua Hakim Negara
IV Setiausaha Kerajaan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

32 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

- 20 Jawatan Yang di-Pertuan Agong telah diwujudkan apabila negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Apakah peranan Yang di-Pertuan Agong? **(BUKU TEKS m.s. 47)**

A Ketua Kerajaan
B Ketua Utama Negara
C Pemimpin Hubungan Luar
D Pemimpin Utama Dewan Parlimen

- 21 Dalam hal jenayah di Wilayah Persekutuan, seseorang yang sudah dihukum boleh memohon keampunan daripada Yang di-Pertuan Agong. Baginda akan bertindak terhadap perkara tersebut atas nasihat **(BUKU TEKS m.s. 49)**

A Perdana Menteri
B Lembaga Tatatertib
C Ketua Hakim Negara
D Lembaga Pengampunan

- 22 Yang di-Pertuan Agong boleh membuat pengisytiharan darurat. Bilakah darurat perlu diisytiharkan? **(BUKU TEKS m.s. 49)**

A Parlimen dibubarkan
B Ekonomi negara merosot
C Kestabilan politik terjejas
D Keselamatan awam terancam

34 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

- 23 Poster yang berikut dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia menggalakkan orang ramai menunaikan tanggungjawab mengundi.



Mengapakah rakyat dewasa perlu mengundi? **(BUKU TEKS m.s. 49)**

A Memilih menteri-menteri
B Menjamin kestabilan politik
C Memilih pemimpin bagi membentuk kerajaan
D Menunjukkan kuasa dalam sistem pemerintahan

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan kebebasan asasi di Malaysia.

Kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak, tetapi tertakluk pada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang yang digubal oleh Parlimen Malaysia.

Mengapakah perlunya sekatan tertentu terhadap kebebasan asasi? **(BUKU TEKS m.s. 51)**

A Menjamin pengkalan ciri demokrasi
B Memastikan ketaatan rakyat terhadap negara
C Menjamin ketenteraman dan kesejahteraan awam
D Memastikan kemakmuran ekonomi negara berterusan

- 25 Kuasa pemerintahan di negara kita dibahagikan kepada tiga badan seperti berikut.

• Badan Perundangan
• Badan Eksekutif
• Badan Kehakiman

Apakah fungsi Badan Perundangan? **(BUKU TEKS m.s. 51)**

A Mentafsir undang-undang
B Menggubal undang-undang
C Melaksanakan undang-undang
D Menjamin keadilan undang-undang

- 26 Badan eksekutif ialah badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif mengikut Perlembagaan Persekutuan. Pada peringkat negeri, kuasa eksekutif dilaksanakan oleh **(BUKU TEKS m.s. 51)**

A Sultan
B Jemaah Menteri
C Yang di-Pertua Negeri
D Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

- 27 Badan kehakiman diketuai oleh Ketua Hakim Negara. Mengapakah hakim mesti bebas daripada pengaruh politik? **(BUKU TEKS m.s. 51)**

I menjamin integriti
II Menjamin keadilan sosial
III Melancarkan proses perbicaraan
IV Mengukuhkan kedudukan para hakim

A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan gabungan unsur tradisional dan moden dalam pentadbiran negara kita.

• Raja Berperlembagaan
• Demokrasi Berparlimen

Apakah kepentingan wujudnya kedua-dua unsur tersebut dalam sistem pentadbiran negara kita? **(BUKU TEKS m.s. 56)**

A Menjamin kebebasan asasi
B Memudahkan pembentukan kerajaan
C Memastikan kerjasama politik berterusan
D Mewujudkan mekanisme semak dan imbang

- 29 Badan Perundangan berperanan menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan oleh Badan Eksekutif. Sekiranya timbul konflik dan kekeliruan, pihak manakah yang bertanggungjawab menyelesaikannya? OBJEKTIF KANDUNGAN
- A Parlimen
 - B Jemaah Menteri
 - C Badan Kehakiman
 - D Yang di-Pertuan Agong

- 30 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa budi bicara kepada Yang di-Pertuan Agong dalam beberapa perkara yang tertentu. Apakah kuasa budi bicara yang dimiliki oleh Yang di-Pertuan Agong? OBJEKTIF KANDUNGAN
- I Melantik Perdana Menteri
 - II Meminda perlembagaan Persekutuan
 - III Tidak memperkenankan dasar kerajaan
 - IV Tidak memperkenankan permintaan pembubaran parlimen
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV